

KENYATAAN MEDIA

KITAREcycle +1 BERI AKSES KEPADA PENDUDUK NADA ALAM KUMPUL MATA GANJARAN

NILAI, 15 DISEMBER 2023 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) memperluaskan program KITAREcycle melalui kaedah kutipan +1 (perkhidmatan kutipan sisa kitar semula) di Nada Alam, Nilai dan memberikan akses tambahan kepada penduduk untuk mengumpulkan mata ganjaran bagi barangan kitar semula yang dilupuskan melalui program KITAREcycle.

"Kaedah ini terbukti berkesan dan praktikal untuk dilaksanakan oleh penduduk yang menetap di dalam kawasan perumahan baru yang berpagar dan berpengawal. Sejumlah 3,087 premis kediaman di Taman Vision Homes (892 buah), Ara Sendayan (1,224 buah untuk Barinda dan Cadena), dan Taman Pulai Perdana (200 buah) telah menerima perkhidmatan kutipan KITAREcycle +1, memberikan peluang kepada mereka untuk mengumpulkan mata ganjaran kitar semula (RP = Recycling Points). Kini, sebanyak 771 buah rumah di Nada Alam akan mendapat servis yang serupa." kata Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin, Pengurus Besar Korporat SWM Environment.

Kata beliau lagi, Taman Vision Homes, Seremban mencatatkan sebanyak 44,347 kilogram (dari Januari hingga Oktober 2023) barangan kitar semula telah berjaya dikutip, Ara Sendayan pula menyumbang sebanyak 14,727.5 kilogram (dari Februari - hingga Oktober 2023), Taman Sri Pulai Perdana sebanyak 6,155 kilogram (dari Mei hingga Oktober 2023) dan Nada Alam sebanyak 4,737 kilogram (dari Julai – Oktober 2023). Jumlah keseluruhan kutipan barangan kitar semula mengikut kaedah KITAREcycle +1 ini adalah sebanyak hampir 70 ribu kilogram yang berjaya dikumpul dari Januari hingga Oktober 2023. Pada tahun 2024 yang akan datang, dijangka akan terdapat peningkatan dalam data pengumpulan kitar semula bagi kawasan-kawasan yang terlibat di bawah program KITAREcycle.

Selain itu, SWM Environment mensasarkan untuk memperluaskan lagi kawasan liputan dan memberi tumpuan kepada komuniti perumahan yang berpagar dan berpengawal. Kejayaan pengumpulan bahan kitar semula melalui kaedah KITAREcycle +1 tidak hanya menyumbang kepada usaha pemeliharaan alam sekitar, tetapi juga memberikan peluang kepada penduduk untuk mendapatkan ganjaran tambahan. Bahan kitar semula yang diasingkan mempunyai nilai RP (Recycling Points) sendiri, boleh ditukarkan kepada wang tunai dan dimasukkan terus ke dalam akaun bank secara dalam talian, menjadikan usaha mesra alam ini lebih mudah diakses dan memberikan manfaat kepada komuniti.

SWM Environment sentiasa komited dalam mempelbagaikan kaedah kutipan barangan kitar semula melalui program KITAREcycle bagi meningkatkan akses komuniti setempat melibatkan



diri dalam pembudayaan amalan dalam melaksanakan aktiviti kitar semula selain menghantar barangan kitar semula ke Pusat Pandu Lalu KITAREcycle.

Penduduk di empat buah taman perumahan tersebut hanya perlu mendaftar sebagai ahli KITAREcycle, mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula kepada tiga kategori iaitu kertas, plastik dan lain-lain, membungkus barangan kitar semula yang telah diasingkan dengan kemas, menampal kod QR dan meletakkannya dihadapan rumah di tepi tong sampah beroda pada setiap hari kutipan satu kali seminggu.

Tambah beliau lagi, SWM Environment turut mengalu-alukan Persatuan Penduduk yang berada dalam kawasan berpagar dan berpengawal di Negeri Sembilan untuk menghubungi Jabatan Komunikasi Korporat SWM Environment ditalian 06-6014280 bagi menyertai program KITAREcycle SWM Environment.

Bagi pertanyaan lanjut berkenaan program KITAREcycle, orang ramai boleh menghubungi talian 06-601 4276 atau melayari laman web: www.kitarecycle.com.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan Negeri Sembilan & Melaka

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com